

KEPENTINGAN KOKURIKULUM DALAM PENDIDIKAN DI SEKOLAH MENENGAH

Nor Suhara Bt Haji Fadzil

Dr Jamil Bin Ahmad

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Bangi, Malaysia

suhara.fadzil@gmail.com

Abstrak

Kokurikulum adalah kegiatan berkumpul di mana kegiatan yang dirancang lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah yang memberi peluang untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dipelajari di bilik darjah. Ia adalah wadah pembinaan jasmani, emosi dan rohani selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang bertujuan membentuk generasi yang seimbang. Justeru, merujuk surat Pekeliling Iktisas Bilangan 1/1985 bertarikh 2 Januari 1985, setiap murid sama ada dari sekolah kerajaan atau bukan kerajaan diwajibkan mengambil sekurang-kurangnya satu aktiviti Pasukan Badan Beruniform, satu aktiviti persatuan atau kelab dan satu aktiviti sukan atau permainan.

Matlamat utama pelaksanaan kokurikulum dalam pendidikan ialah untuk membantu merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam menyemai kesedaran kepada agama dan kepercayaan kepada tuhan; menyeimbangkan perkembangan rohani, jasmani, intelek dan emosi; mengukuhkan perhubungan dan pergaulan dalam kalangan murid; membina dan meningkatkan minat dan bakat; membina dan meningkatkan disiplin; mewujudkan budaya sekolah yang sihat; membina dan meningkatkan kerjasama; dan mewujudkan sekolah berwatak.

Kokurikulum memainkan peranan penting dalam pendidikan. Antaranya ialah kepentingan dalam pemupukan sahsiah dan pembentukan perpaduan. Penyertaan murid sebagai generasi muda dan rakyat di negara ini dalam kokurikulum dapat menyemai perasaan muhibah, perpaduan, integrasi nasional dan menyemai nilai-nilai murni secara tidak langsung dan langsung semasa menyertai aktiviti-aktiviti tersebut. Ini adalah selaras dengan teras kedua dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) iaitu Membangunkan Modal Insan. Modal insan yang berkualiti merupakan aset utama negara bagi menentukan masa depan negara dan bangsa. Ia juga penting dalam pembentukan konsep "Satu Malaysia" yang mengutamakan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum.

Penyertaan dalam aktiviti kokurikulum juga mampu meningkatkan tahap disiplin murid. Berdasarkan beberapa kajian, didapati bahawa aktiviti kokurikulum berupaya mengurangkan masalah disiplin ke tahap yang minima. Namun, dalam usaha ini, guru-guru, ibu bapa dan masyarakat perlulah bekerjasama dan mempereratkan hubungan antara satu sama lain. Persepsi negatif terhadap pelaksanaan kokurikulum di sekolah juga perlu dikikis. Pihak sekolah dan para ibu bapa perlu lebih berfikiran terbuka

terhadap pelaksanaan kokurikulum dalam pendidikan tanpa hanya mengutamakan akademik sahaja. Kokurikulum merupakan saluran yang menggalakkan perkembangan bakat, sifat kreativiti, bakat dan potensi murid ke tahap yang maksimum.

Terdapat pelbagai kelebihan dan kebaikan pelaksanaan kokurikulum dalam pendidikan. Oleh itu, pelaksanaannya perlulah dirancang dengan rapi dan dijalankan dengan lebih serius oleh semua pihak. Segala kekangan dalam pelaksanaannya sama ada dari segi latihan guru, kemudahan peralatan, infrastruktur, sokongan, kewangan dan sebagainya perlu di atasi segera. Ini adalah penting supaya pelaksanaan kokurikulum dalam pendidikan dapat mencapai objektifnya dan berjaya melahirkan generasi yang berpendidikan tinggi serta bersahsiah mulia.

Kata Kunci : kokurikulum, pendidikan sekolah menengah

Pendahuluan

Sistem pendidikan yang dilaksanakan di dalam sesebuah negara merupakan wadah untuk mendidik anak-anak menjadi insan yang berjaya dan mengenali budaya serta alam sekeliling serta untuk menyampaikan ideologi kebangsaan kepada masyarakat melalui penerapan tentang kefahaman serta nilai-nilai positif untuk perpaduan kaum dalam kalangan generasi muda akan datang. Bagi menghasilkan satu sistem pendidikan seimbang dan sempurna, maka penekanan kepada kedua-dua aspek iaitu kurikulum dan kokurikulum perlu dititikberatkan. Kokurikulum adalah penting untuk merealisasikan konsep pengetahuan, pengalaman dan kemahiran merentasi kurikulum di mana ia merangkumi aktiviti pendidikan jasmani, seni dan rekreasi, aktiviti sains dan teknologi serta aktiviti kumpulan dan sosial. Selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, bidang ini berupaya memberi peluang kepada murid untuk membina kekuatan jasmani, menguatkan keupayaan mental, membantu dalam kestabilan emosi seterusnya kepada kemantapan rohani dalam menerapkan nilai-nilai murni berlandaskan pegangan kepada agama yang dianuti. Proses pembinaan individu ini perlu berterusan dan menyeluruh tanpa ada pemisahan antara kurikulum dan kokurikulum (Ab.Alim, 2004; Tam Yeow Kwai, 2010).

Kepentingan kokurikulum dalam pendidikan telah ditekankan sejak dahulu lagi oleh para cendekiawan. Pada zaman Renaissance, Vittoria da Feltre (1378-1446), seorang guru yang agung dan ahli kemanusiaan terkenal dari Itali telah menyuarakan bahawa pendidikan tidak akan lengkap sekiranya aktiviti praktikal seperti sukan dan permainan tidak dimuatkan ke dalam kurikulum sekolah. Pandangan itu dipersetujui dan diaplikasikan dalam pendidikan tahun demi tahun, cuma bezanya sejauh mana ia dilaksanakan secara serius di sekolah-sekolah. Di rantau ini, pasukan pengakap yang pertama di sekolah telah ditubuhkan di Singapura pada tahun 1909. Ketika itu kokurikulum dianggap sebagai aktiviti luar. Melalui surat arahan *School Course of Studies* 1956 yang dipinda dalam Akta Pendidikan 1961, Kementerian Pendidikan telah menggariskan pelaksanaan kokurikulum di sekolah di mana aktiviti ini dinamakan sebagai aktiviti kumpulan (Ab.Alim, 2004).

Kini, kokurikulum telah menjadi keutamaan dalam pendidikan. Kajian oleh Holland dan Andre dalam Yusnizam (2008) mendapati, penglibatan dalam kokurikulum

menggalakkan perkembangan keseluruhan individu murid. Ia juga memudahkan pencapaian matlamat akademik dan bukan akademik. Kokurikulum berupaya menghasilkan kesan positif seperti membentuk keupayaan mengawal kehidupan sendiri, aspirasi pendidikan yang tinggi dan mengurangkan masalah keciciran. Sehubungan itu, Kementerian Pelajaran Malaysia begitu serius berusaha dalam pelaksanaan kokurikulum di sekolah-sekolah untuk melahirkan generasi Malaysia yang berilmu pengetahuan, memiliki jiwa dan peribadi unggul, bersemangat muhibah dan mampu menghadapi cabaran secara kolektif dan bersepadu.

Pelaksanaan Kokurikulum di Sekolah Menengah

Di awal pelaksanaan kokurikulum dalam pendidikan di Malaysia, ia dikenali sebagai "*extra curriculum*" atau "kegiatan luar darjah", sebagaimana yang ternyata dalam Peraturan Kursus-kursus Pengajian Sekolah, Akta Pelajaran 1956 di mana kokurikulum dianggap satu program yang terletak di luar daripada kurikulum pendidikan yang sebenarnya. Pada tahun 1960-an, aktiviti kokurikulum dianggap sebagai sesuatu yang berasingan, aktiviti tambahan dan tidak begitu penting dalam perkembangan dan proses pengajaran serta pembelajaran murid di sekolah (Ab.Alim, 2004). Namun kesedaran terhadap kepentingan kokurikulum telah beransur berubah mengikut perkembangan pendidikan semasa dan mula diberi keutamaan dalam setiap perancangan pendidikan.

Konsep pelaksanaan kokurikulum di peringkat persekolahan masa kini adalah berdasarkan saranan Laporan Kabinet 1979, Falsafah Pendidikan Kebangsaan 1988 dan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Persatuan Sekolah) 1998. Mengikut Laporan Kabinet 1979, aktiviti kokurikulum adalah penting untuk semua murid di setiap peringkat persekolahan. Maka semua murid diwajibkan menyertai kokurikulum kerana aktiviti itu berupaya menyemai, memupuk dan menanamkan perasaan kekitaan dalam masyarakat berbilang kaum selain berupaya menerapkan nilai-nilai murni. Kokurikulum juga ditekankan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan 1988, yang dulunya dikenali sebagai Falsafah Pendidikan Negara. Matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan ialah untuk memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang, harmonis, bertanggungjawab, berketerampilan dan serba boleh berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Justeru, bagi mewujudkan pendidikan yang bersepadu, kokurikulum perlu dititikberatkan sebagai satu saluran bagi mencapai matlamat pendidikan tersebut. Bagi memastikan pelaksanaan kokurikulum di sekolah tersusun dan seragam, pelbagai peraturan dan panduan digariskan dalam Peraturan-Peraturan Pendidikan (Persatuan Sekolah) 1998. Pelaksanaan kokurikulum di sekolah perlulah berlandaskan akta dan peraturan yang dikuatkuasakan serta surat pekeliling ikhtisas yang diedarkan dari masa ke semasa.

Kini, kokurikulum merupakan sebahagian dari kurikulum kebangsaan. Kurikulum Kebangsaan didefinisikan sebagai satu program pendidikan yang terdiri daripada kurikulum dan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta menanamkan dan mempertingkatkan nilai moral yang diinginkan serta untuk menyampaikan pengetahuan (BSSK, 2009). Justeru, pelaksanaan dan penyertaan murid dalam kokurikulum di sekolah adalah diwajibkan sama ada untuk sekolah kerajaan

atau bukan kerajaan (Laporan Kabinet 1979; Akta Pendidikan 1996). Merujuk surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 1/1985 bertarikh 2 Januari 1985, setiap murid sama ada dari sekolah kerajaan atau bukan kerajaan diwajibkan mengambil sekurang-kurangnya satu aktiviti Pasukan Badan Beruniform, satu aktiviti persatuan atau kelab dan satu aktiviti sukan atau permainan. Kegagalan atau keengganan melaksanakan kokurikulum di sekolah adalah satu kesalahan yang boleh didenda.

Berdasarkan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Persatuan Sekolah) 1998, pihak sekolah boleh menubuhkan sesuatu kegiatan berdasarkan mata pelajaran yang diajar di sekolah sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan-peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997. Kegiatan juga boleh ditubuhkan daripada kategori hobi dan rekreasi, sukan dan permainan, badan beruniform atau apa-apa kegiatan lain yang diluluskan oleh pendaftar. Kepelbagaian dalam penubuhan kegiatan ini adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada murid menyertai kegiatan kokurikulum yang diminatinya. Kegiatan kokurikulum boleh dijalankan di dalam atau di luar bilik darjah, mengikut kesesuaian sesuatu aktiviti. Di bawah rancangan kokurikulum, tumpuan diberi kepada aktiviti yang merangkumi aspek khidmat masyarakat, rekreasi dan pengayaan di mana kurikulum formal dan pengalaman amali dikukuhkan dan serta diluaskan.

Kegiatan kokurikulum yang dijalankan hendaklah merupakan apa-apa kegiatan yang dirancang lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah yang memberikan murid peluang untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai yang dipelajari di bilik darjah. Merujuk Buku Panduan Pengurusan Kokurikulum (2009) terdapat 45 jenis persatuan dan kelab, 43 jenis sukan dan permainan serta 19 jenis pasukan badan beruniform yang boleh dijalankan di sekolah-sekolah menengah di Malaysia. Antaranya ialah Persatuan Agama Islam, Persatuan Kebudayaan, Persatuan Geografi, Kelab Kebajikan, Kelab Seni Tari, Kelab Pencinta Alam, Kelab Basikal, Kelab Judo, Pasukan Kadet Polis, Persatuan Puteri Islam, Persatuan Pancaragam Sekolah dan sebagainya. Sehubungan itu, sekolah perlulah menubuhkan pelbagai pasukan badan beruniform, persatuan, kelab, sukan atau permainan bagi memastikan murid berpeluang untuk mengembangkan bakat dan potensi masing-masing dalam kokurikulum sehinggalah ke peringkat antarabangsa.

Penyertaan dalam aktiviti kokurikulum di alam persekolahan bermula dari tahun 3 di peringkat sekolah rendah hingga tingkatan 6 di peringkat menengah. Murid digalakkan terlibat secara aktif dalam kokurikulum yang diceburi bagi memperoleh faedahnya. Penglibatan murid dalam kokurikulum bermaksud keaktifan murid mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti kokurikulum di sekolah. Justeru, KPM mengambil langkah menetapkan masa minimum penglibatan murid dalam aktiviti tersebut. Merujuk Surat Keliling Ikhtisas Bil.2/2007, bagi murid tahun 3 dan tahun 4, mereka perlu terlibat dalam aktiviti kokurikulum di sekolah sekurang-kurangnya selama 60 minit seminggu manakala murid tahun 5 dan 6 perlu terlibat selama 120 minit seminggu. Bagi peringkat sekolah menengah pula, peruntukan masa penglibatan mereka lebih panjang iaitu antara 120 minit hingga 180 minit seminggu. Peruntukkan masa tersebut merangkumi penglibatan murid dalam aktiviti persatuan, kelab, permainan, sukan dan pasukan badan beruniform yang disertai. Konsep pelaksanaannya adalah berasaskan prinsip penyertaan beramai-ramai tanpa unsur diskriminasi atau paksaan tetapi berfokus kepada peningkatan perpaduan dan integrasi dalam kalangan murid.

Kepentingan Kokurikulum dalam Pendidikan

Kegiatan kokurikulum melibatkan pelbagai aktiviti yang dirancang daripada proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah yang memberikan murid peluang untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dipelajari di bilik darjah (BSSK 2009). Kepelbagaian persatuan yang ditubuhkan hendaklah berasaskan kepada matapelajaran yang diajar di sekolah, hobi dan rekreasi, sukan dan permainan, badan beruniform serta apa-apa persatuan lain yang diluluskan oleh pendaftar berserta kepelbagaian aktiviti yang berupaya memberi manfaat kepada murid dalam meningkatkan disiplin dan perpaduan, membina pengetahuan, minat dan bakat, membentuk sahsiah, mengukuhkan pegangan keagamaan dan sebagainya. Kepentingan kokurikulum dalam pendidikan telah diakui (Jamaludin, 2009; Athur, 2009; Andrea, 2009; Yusnizam, 2008, Ab.Alim, 2004). Justeru, pelaksanaan kokurikulum perlulah dilaksanakan dengan terancang dan sistematik berserta kerjasama yang padu dan bersungguh-sungguh.

Merujuk kepada Buku Panduan Pengurusan Kokurikulum Sekolah Menengah (2009), matlamat utama pelaksanaan aktiviti kokurikulum adalah untuk merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Falsafah ini merupakan panduan bagi semua aktiviti pendidikan yang mengungkapkan dengan jelas tujuan, matlamat, prinsip dan nilai asas yang menjadi dasar dalam membentuk sistem pendidikan Malaysia. Ia menekankan kepada falsafah tentang manusia yang berasaskan kepercayaan kepada Tuhan dan agama untuk membangunkan semua aspek diri manusia secara seimbang dan harmonis supaya kesepaduan fitrah diri manusia terpelihara. Berilmu dan berpendidikan seharusnya menghasilkan budi pekerti dan akhlak mulia agar menjadi ciri asasi seseorang ahli keluarga, masyarakat dan warganegara yang baik dan terdidik. Matlamat utama kokurikulum merangkumi objektif-objektif seperti berikut.

1. Menyemai kesedaran murid-murid terhadap agama dan kepercayaan kepada Tuhan;
2. Menyeimbangkan antara perkembangan mental dengan perkembangan rohani, jasmani dan emosi murid;
3. Mengukuhkan perhubungan dan pergaulan dalam kalangan murid;
4. Membina dan meningkatkan minat dan bakat murid-murid dalam aktiviti yang diceburi;
5. Membina dan meningkatkan disiplin murid;
6. Mewujudkan budaya sekolah yang sihat.
7. Membina dan meningkatkan kerjasama dua hala antara sekolah dan masyarakat;
8. Mewujudkan sekolah berwatak.

Objektif yang dinyatakan tersebut adalah bersesuaian dengan Dasar Kementerian Pelajaran Malaysia yang ingin melahirkan generasi yang seimbang dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani. Oleh yang demikian, kokurikulum perlu dititikberatkan di sekolah demi kepentingannya dalam pendidikan.

Menyemai kesedaran kepada Agama dan Kepercayaan kepada Tuhan

Kesedaran kepada Agama dan Kepercayaan kepada Tuhan yang ditekankan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukun Negara merupakan salah satu matlamat kokurikulum dalam pendidikan yang boleh disemai melalui aktiviti kokurikulum di sekolah. Percaya dan patuh kepada Tuhan menjadi tuntutan kepada setiap insan, di mana

penganutnya akan dididik agar berakhlak mulia dan menjauhkan diri daripada melakukan perbuatan yang negatif. Akhlak adalah daripada jiwa dan dilahirkan melalui perbuatan (Hamedah & Normah, 2009). Perbuatan mulia akan diiringi dengan tingkah laku yang berasaskan nilai-nilai murni yang diamalkan oleh individu. Oleh itu, kesedaran kepada agama dan kepercayaan kepada Tuhan akan mendorong individu kepada akhlak mulia.

Aktiviti kokurikulum berperanan dalam pembentukan sifat-sifat sosial yang bernilai dalam diri setiap murid yang mengambil bahagian dalam aktiviti yang dipilih. Setiap aktiviti mempunyai sumbangan tersendiri dalam pembentukan sahsiah dan jati diri. Menurut Ab.Alim (2001), nilai-nilai murni perlu dipupuk melalui proses pendidikan bagi membentuk insan yang kuat, bermoral, sanggup menghadapi cabaran dan berkebolehan menyelesaikan konflik dan krisis yang dihadapi. Nilai murni ini merupakan asas bagi membina individu dan masyarakat yang sejahtera yang bebas daripada penyakit sosial dan krisis moral yang semakin berleluasa kini. Kemerostan nilai-nilai murni menyebabkan keruntuhan akhlak dan moral dalam masyarakat. Dengan pegangan yang teguh terhadap nilai murni, murid diharapkan berupaya menjauhkan diri daripada anasir dan gejala sosial yang negatif.

Penerapan nilai murni diberi penekanan bukan sahaja melalui aktiviti kokurikulum, malah dalam kurikulum mata pelajaran. Di sekolah, penerapan nilai murni boleh disepadukan secara pertuturan, teladan, kontekstual, perlakuan, isyarat, interpretasi dan kefahaman. Falsafah Pendidikan Kebangsaan telah mengariskan 16 nilai murni yang perlu diserapkan dalam peribadi murid bagi melahirkan warganegara yang harmonis iaitu rasional, kebebasan, berhemah tinggi, kesederhanaan, kebersihan, adil, berani, tolong-menolong, bersyukur, jujur, baik hati, kerjasama, berdikari, kasih sayang, hormat-menghormati dan rajin. Justeru, penglibatan murid dalam kokurikulum perlu dipertingkatkan agar dapat menanamkan nilai-nilai murni melalui kesedaran terhadap agama dan kepercayaan kepada Tuhan.

Penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum amat berguna untuk pembentukan sahsiah, mengisi masa lapang dengan pengetahuan berfaedah, menimba pengalaman dan mengelakkan diri dari terjebak dalam masalah gejala sosial seperti melepak, penyalahgunaan dadah dan gangsterisme (Omardin, 1996; Esa Abd Samad, 1998). Dapatan tersebut diperkukuhkan lagi oleh kajian longitudinal yang dijalankan oleh Mahoney (2000). Beliau telah menjalankan kajian ke atas 695 murid bagi melihat perhubungan antara penglibatan murid dengan aktiviti kokurikulum di sekolah dari segi sosial. Kajian beliau mendapati penglibatan murid secara aktif dalam beberapa aktiviti kokurikulum untuk jangka masa yang panjang berupaya mengurangkan penglibatan murid dalam masalah jenayah dan masalah keciciran. Dapatan ini juga turut disokong oleh beberapa kajian yang mendapati, penglibatan aktif murid dalam kokurikulum berupaya mengurangkan masalah salah laku dalam kalangan murid seperti merokok, minum arak, menghisap dadah dan melepak (Eccler & Barber, 1999; Darling, 2000; Leaver-Dunn, Turner & Newman, 2007).

Menyeimbangkan Perkembangan Rohani, Jasmani, Intelek dan Emosi

Kokurikulum adalah wadah paling berkesan untuk merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan terutamanya dalam konteks melahirkan murid seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial yang bakal menghasilkan sumber

manusia berkemahiran tinggi di Malaysia (Ahmad, 2005; Saifullizam, 2004). Proses pembelajaran dan pengajaran dalam aktiviti kokurikulum lebih menekankan aspek yang tersembunyi seperti nilai, bakat, peranan, kepimpinan dan sosial. Murid akan terdedah kepada pendekatan secara amali yang membolehkan mereka menimba pengetahuan, pengalaman dan kemahiran secara terus. Sekiranya aspek rohani, emosi dan jasmani murid gagal dibentuk dengan baik, maka timbul kepelbagaian masalah seperti pekerja tidak amanah, jurutera yang mengamalkan rasuah dan seterusnya pembentukan masyarakat yang kurang sihat (Saifullizam, 2004).

Proses pembentukan modal insan berkesinambungan dan berterusan dalam membentuk sahsiah yang seimbang dan bersepadu dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Dalam intelek, murid dikehendaki mempunyai daya pemikiran yang kreatif, inovatif, logik dan analitis agar mempunyai daya bersaing dan berubah mengikut peredaran masa. Menurut John Holloway (1999) menjelaskan bahawa aktiviti kokurikulum menyumbang kepada kejayaan murid di sekolah. Aktiviti memberi kesan positif kepada murid kurang upaya dan berisiko mengalami keciciran. Kenyataan ini disokong oleh Mahoney & Cairns (1997) dan Black (2002).

Mempunyai daya intelek yang tinggi masih tidak memadai. Ilmu yang kita miliki dan kemampuan berfikir harus disokong oleh rohani dan emosi yang mantap agar berupaya berfikir dengan tenang dan waras. Unsur-unsur rohani dan emosi merangkumi kesedaran kepada agama dan kepercayaan kepada Tuhan. Kemantapan jiwa terserlah melalui penghayatan nilai-nilai murni, budi pekerti dan tindakan. Menurut Steve Duncan (1996), penglibatan dalam aktiviti kokurikulum di sekolah adalah penting dalam membentuk sahsiah remaja di mana ia menjauhkan remaja dari tingkah laku yang tidak elok.

Dalam membantu perkembangan intelek dan rohani serta emosi, jasmani yang sihat dan cergas perlu diutamakan. Kokurikulum menggalakkan kecergasan fizikal agar mempunyai kesihatan yang baik dan berupaya berdikari. Kajian Deborah (2007) menyatakan bilangan program atau aktiviti yang dijalankan di sekolah mempunyai hubungan yang signifikan dengan gejala sosial yang tidak sihat. Oleh itu kepelbagaian dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum adalah penting bagi memberi lebih peluang penglibatan dalam kalangan murid dan seterusnya mendapatkan manfaatnya.

Mengukuhkan Perpaduan dan Kerjasama

Dalam masyarakat Malaysia yang mempunyai pelbagai bangsa, kaum, agama dan budaya, perpaduan yang erat adalah penting dalam menjamin kesejahteraan masyarakat dalam mengejar kemajuan individu, keluarga dan negara. Jawatankuasa Pelaksanaan Mengkaji Dasar Pelajaran 1979, menjelaskan bahawa aktiviti kokurikulum dapat menggalakkan semangat berkumpul, bekerjasama dan menghormati peraturan. Ini disokong oleh Wee Eng Hoe (1996), yang menyatakan penyertaan murid dalam pasukan badan beruniform, persatuan dan sukan dapat menyemai perasaan muhibah, perpaduan dan integrasi nasional.

Kokurikulum merupakan pelengkap ke arah pendidikan holistik bukan hanya dari segi peningkatan dan pengembangan kemahiran sosial, afektif dan psikomotor sahaja malah untuk mengukuhkan lagi interaksi, toleransi dan integrasi antara kaum (Jamaludin, 2009). Azmi dan Hamsiah (2000) juga bersetuju dengan fungsi kokurikulum

dalam membina kemahiran bersosial dan berpendapat bahawa kegiatan kokurikulum yang mantap dapat memperkukuhkan interaksi antara murid dan sekali gus memupuk integrasi antara kaum dalam masyarakat majmuk di negara kita. Interaksi dan integrasi yang baik akan mengujudkan perpaduan dan kerjasama yang baik.

Pergaulan dan interaksi banyak berlaku melalui aktiviti kokurikulum. Atas dasar ini, sekolah perlu mempelbagaikan aktiviti yang menjurus ke arah menanamkan sifat psikososial yang diinginkan. Melalui sukan dan permainan, berlaku pembentukan pasukan atau *team building* yang memupuk semangat menyumbang secara kolektif atau berkumpulan. Aktiviti persatuan dan kelab serta pasukan badan beruniform juga menekankan kepada pergaulan dan khidmat masyarakat. Interaksi sosial yang berlaku semasa pelaksanaan aktiviti kokurikulum tersebut dapat menyemai nilai-nilai murni di samping memupuk dan menanam perasaan kekitaan antara murid pelbagai kaum yang mempunyai latar belakang dan cara hidup yang berlainan. Melalui aktiviti kokurikulum, murid boleh berinteraksi antara satu sama lain dengan lebih realistik tanpa memilih darjat, kaum atau agama.

Nilai integrasi dan toleransi adalah penting dalam kehidupan masyarakat bagi menjamin wujudnya persefahaman, perasaan hormat menghormati hak dan kebebasan kaum di sesebuah negara. Nilai toleransi merujuk kepada kesediaan individu dalam berkompromi semasa menjalani proses hubungan antara kaum yang berbeza serta kesanggupan bertolak ansur, sabar dan mengawal diri bagi mengelakkan berlakunya pertikaian dan perselisihan faham demi kesejahteraan. Manakala nilai integrasi merujuk kepada satu keadaan sosio-psikologi di mana rakyat pelbagai etnik, agama dan wilayah hidup dengan aman sebagai satu bangsa yang bersatu dengan memberi komitmen yang penuh kepada Perlembagaan dan Rukun Negara.

Che Aziz dan Aminuddin (2002) merumuskan bahawa aktiviti kokurikulum di sekolah perlu memenuhi fungsi sebagai aktiviti yang memberi khidmat kepada pembangunan kemasyarakatan. Semangat berkhidmat, bekerjasama dan saling membantu antara satu sama lain perlu disemai bagi membentuk masyarakat yang harmonis. Manakala Masitah (1995) dan Rohanida (2002) menyatakan bahawa aktiviti kokurikulum dapat memberi latihan awal dari segi kepimpinan, sahsiah dan kemasyarakatan di kalangan murid.

Membina dan Meningkatkan Disiplin, Minat dan Bakat

Kokurikulum merangkumi beberapa aspek penting yang memberi peluang kepada murid melatih diri sendiri untuk tujuan kesihatan, berdisiplin dan membina semangat. Aktiviti ini memberi pengalaman kepada murid dan seterusnya memupuk semangat tersebut yang merupakan faktor positif dalam pembentukan disiplin. Kajian Pramela Krish (1994) telah membuktikan bahawa aktiviti kokurikulum telah berjaya mengurangkan masalah disiplin ke tahap yang minima. Kenyataan itu disokong oleh Zakiah Md Lassim (1999) yang menyatakan bahawa murid menjadi lebih berdisiplin apabila mereka membabitkan diri secara aktif dengan Pasukan Badan Beruniform.

Aktiviti kokurikulum memberi peluang kepada murid memahami konsep latihan dalam bidang tertentu dengan menggunakan pengetahuan tersebut dalam konteks yang lebih bermakna dan realistik. Ia juga memberi pengalaman yang mungkin tidak dapat

diperolehi dalam bilik darjah. Maka aktiviti kokurikulum perlu dirancang terlebih dahulu supaya selaras dan saling melengkapi dengan apa yang diajar di bilik darjah untuk meningkatkan lagi prestasi mereka dalam pelajaran (Abdullah Sani, 2005). Penglibatan murid dalam pelbagai aktiviti kokurikulum di anggap dapat memupuk nilai pendidikan yang positif ke dalam diri murid seperti berbudi bahasa, berdisiplin, bertanggungjawab, jujur, tolong-menolong, berfikiran terbuka, bercita-cita dan berdikari. Kokurikulum juga bertujuan melahirkan insan yang dapat memanfaatkan ilmu ke arah kecemerlangan diri serta mampu memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara.

Berdasarkan kajian Ahmad Esa (2004), didapati bahawa aktiviti-aktiviti kokurikulum berupaya membina kemahiran komunikasi dalam kalangan murid yang akan membantu mereka dalam dunia kerjaya kelak. Menerusi pengalaman yang diperoleh melalui aktiviti-aktiviti, membolehkan murid menyediakan diri bagi menghadapi tuntutan dalam bidang ekonomi, politik, tempat kerja dan suasana pasaran buruh yang kompleks (Jamaludin, 2009).

Menurut Ruhaiza (2007), langkah kerajaan menggalakkan pelaksanaan dan penglibatan murid dalam kokurikulum merupakan satu langkah yang positif kerana generasi muda masa kini perlu mempunyai keselarian dalam akademik dan kokurikulum serta keterampilan sahsiah. Kebanyakan majikan kini lebih berminat pekerja yang mempunyai kebolehan berinteraksi, berketerampilan, berhemah tinggi dan boleh bekerja secara berkumpulan. Justeru, murid di sekolah dan pelajar di Institut Pengajian Tinggi perlulah membina kemahiran komunikasi melalui kokurikulum bagi membantu dalam pembangunan potensi diri individu. Tambahan lagi, penglibatan dalam aktiviti ini berupaya meningkatkan tahap berdikari dan keyakinan diri di samping mengurangkan perasaan negatif seperti tekanan perasaan, kecelaruan dan kerunsingan (Mahoney, 2005).

Kokurikulum merupakan saluran yang menggalakkan perkembangan bakat dan sifat kreativiti murid (Adnan Kamis 1988). Aktiviti kokurikulum yang dirancang akan menyemarakkan minat murid terhadap mata pelajaran. Ia turut dapat menyuburkan potensi individu dalam lapangan tertentu untuk memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang berkehendakkan supaya bakat dan potensi dalam diri seseorang murid itu dipertingkatkan ke tahap yang maksimum. Kajian Hamidah (1999) mengesahkan bahawa ketiga-tiga komponen kokurikulum (sukan dan permainan, kelab dan persatuan serta Pasukan Badan Beruniform) mempunyai hubungan dengan mata pelajaran kurikulum.

Menurut Gray (1952) seperti yang dipetik dari Hanisah (2006) menyatakan, di antara kepentingan aktiviti kokurikulum kepada murid ialah boleh membantu mereka supaya mempunyai perasaan penerimaan dan kejayaan “acceptance and success”, merapatkan hubungan di antara murid dan sekolah, membantu pembelajaran di bilik darjah, menggalakkan kepimpinan, menyediakan murid menempuh alam pekerjaan, memberi perkhidmatan kepada orang lain dan mempertingkatkan moral murid. Melalui penglibatan dalam pasukan badan beruniform, murid dilatih memberi sumbangan perkhidmatan kepada masyarakat (Mohd Arif & Amla, 2008). Pengalaman yang diperoleh menerusi aktiviti-aktiviti kokurikulum ialah perantaraan alam persekolahan dengan alam kehidupan masyarakat yang bermanfaat apabila mereka dewasa kelak.

Mewujudkan Budaya Sekolah Sihat dan Berwatak

Budaya sekolah mempunyai peranan yang penting dalam mengubah sekolah. Mengikut Reid dan Holly (1987) dalam Sharifah (2000), budaya sekolah ialah hasil daripada individu di sekolah yang berinteraksi, bagaimana mereka berkelakuan antara satu sama lain dan harapan mereka untuk hidup harmoni antara satu sama lain. Budaya sekolah mempunyai pengaruh yang kuat terhadap hidup warganya dari segi kemajuan akademik, sosial dan personal yang dicapai oleh individu di sekolah. Pembudayaan di sekolah dilaksanakan menerusi kurikulum formal dan kurikulum tidak formal iaitu kokurikulum. Sehubungan itu, budaya sekolah sihat akan melahirkan budaya sosial yang sihat di mana murid akan didedahkan kepada norma, nilai, simbol dan bahasa yang mencorakkan masa depan mereka.

Budaya sekolah yang sihat mampu mewujudkan satu identiti sekolah atau imej sekolah yang dikenali sebagai “Sekolah Berwatak”. Sekolah berwatak ialah satu imej sekolah yang dibangunkan oleh komuniti sesebuah sekolah itu. Renihan dan Renihan (1998) mendefinisikan imej sekolah sebagai keseluruhan pandangan-pandangan yang subjektif mengenai kualiti pembelajaran dan persekitaran sosial, perasaan kolektif yang terbina oleh masyarakat sebagai hasil daripada pemerhatian dan pengalaman terhadap sesebuah sekolah itu. Antara contoh sekolah-sekolah berwatak seperti SM Teknik, Teluk Intan mengetengahkan program *School Interprise* dan SMK Sultan Abdullah, Chenderong Balai mengetengahkan projek Makmal Sains Pertanian.

Pembentukan sebuah sekolah berwatak merupakan salah satu matlamat pelaksanaan kokurikulum di sekolah. Sekolah berwatak adalah sekolah yang cemerlang bukan bersandarkan kepada kehebatan murid dalam bidang akademik semata-mata tetapi juga dari segi perkembangan personaliti dan disiplin murid, merangkumi kebolehan dalam pelbagai bidang sampingan seperti kegiatan sukan, pasukan beruniform serta penonjolan sebarang bakat lain. Melalui kokurikulum, diharap pihak sekolah berjaya mewujudkan imej sekolah yang sihat dan membanggakan agar menjadi contoh kepada pihak lain dan imej ini akan dapat dikekalkan oleh warganya.

Rumusan

Terdapat pelbagai kelebihan dan kebaikan pelaksanaan kokurikulum dalam pendidikan. Oleh itu, pelaksanaannya perlulah dirancang dengan rapi dan dijalankan dengan lebih serius oleh semua pihak. Segala kekangan dalam pelaksanaannya sama ada dari segi latihan guru, kemudahan peralatan, infrastruktur, sokongan, kewangan dan sebagainya perlu di atasi segera. Ini adalah penting supaya pelaksanaan kokurikulum dalam pendidikan dapat mencapai objektifnya dan berjaya melahirkan generasi yang berpendidikan tinggi serta bersahsiah mulia. Justeru satu kajian yang bertajuk “Penilaian Pelaksanaan Kokurikulum Di Sekolah Menengah” akan dijalankan bagi menilai sejauhmanakah proses-proses pelaksanaan kokurikulum berjaya dilaksanakan. akan menggunakan Dengan menggunakan Model Penilaian CIPP oleh Stufflebeam (2002), kajian penilaian ini yang akan dilaksanakan merangkumi tiga daripada empat komponen model CIPP iaitu input, proses dan produk. Diharap kajian dapat menyumbang kepada dapatan informasi agar proses penambahbaikan berterusan akan dapat dicadangkan dan dilakukan dari masa ke semasa.

Rujukan

- Ab.Alim Abd Rahim (2004): Pengurusan Gerak Kerja Kokurikulum. Selangor: Penerbit Oxford Sdn. Bhd.
- Abdullah Sani Yahya (2005): Mengurus Disiplin. Pahang: PTS Publishing Sdn. Bhd.
- Adnan Kamis (1988): Nilai-Nilai Murni dalam Aktiviti Kokurikulum Pergerakan Beruniform Ke Arah Menghasilkan Insan yang Mantap lagi Seimbang Menurut Falsafah KBSM. Kertas kerja Seminar Nilai-Nilai Murni Merentas Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Ahmad Esa (2005): Perkasakan Kokurikulum. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Bahagian Sukan, Seni dan Kokurikulum (BSSK), KPM (2009): Buku Panduan Pengurusan Kokurikulum. Kuala Lumpur: A.G Grafik, Sdn. Bhd.
- Hamedah Wok Awang & Normah Teh (2009): Sekolah sebagai Pembangun Modal Insan. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Black, S.(2002): Extracurricular Activities and Academic Performance Go Hand in Hand. American School Board Journal.
- Mahoney, R.W; Larson, R.W., Eccles, J.S. & Lord, H. (2005): Organized activities as contexts of development: Extracurricular activities, after-school and community programs. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Omarin Ashaari (1996): Pengurusan Kokurikulum. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ruhaiza Rusmin (2007): Kokurikulum Bendung Gejala Sosial. Kuala Lumpur: New Strait Time Press (M) Bhd.
- Saifullizam Puteh (2004): Pengurusan Kokurikulum. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHO).
- Sharifah Md Nor (2000): Keberkesanan Sekolah: Satu Perspektif Sosiologi. Serdang: Penerbit UPM.
- Steve Duncan (1996): Family Matters: What is the role of extracurricular Activities? <http://www.montana.edu>.
- Tam Yeow Kwai (2010): Pengurusan Kokurikulum. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Wee Eng Hoe (1996): Gerak Kerja Kokurikulum: Sukan. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.